

Tepi Sungai Kemaman berpayaya kini tempat jogging


» Kawasan seluas 15.37 hektar dilengkapi tandas, pokok hiasan, surau dan wakaf

Oleh Shamsudin Husin
bhkt@bh.com.my

► **Chukai**

Projek pembinaan benteng Sungai Kemaman sepanjang dua kilometer bernilai RM39 juta, yang siap sepenuhnya bulan lalu, kini menjadi ikon baharu bandar ini.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan awam Negeri, Rosli Othman, berkata kawasan tepi Sungai Kemaman yang dulunya berpayaya, kini dapat dimanfaatkan sepenuhnya



Abdul Razak (dua dari kanan) menyerahkan dokumen siap kerja kepada Mustafar (dua dari kiri) disaksikan Rosli (kanan) dan Wan Abdul Hakim di **jetty Benteng Sungai Kemaman**, semalam.

[FOTO SHAMSUDIN HUSIN / BH]

penduduk bandar ini.

Beliau berkata, kawasan seluas 15.37 hektar itu siap dibina sepenuhnya mengikut jadual ditetapkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pada bulan lalu oleh kontraktor dilantik, Prima Omega Sdn Bhd.

“Kawasan yang mempunyai laluan pejalan kaki bagi kemudahan orang ramai berjoging turut dilengkapi kemudahan seperti tandas awam, pokok hiasan, surau, wakaf dan lampu jalan.

“Projek diilhamkan mantan Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad

Said, lebih dua tahun lalu berjaya disiapkan mengikut jadual,” katanya ketika berucap pada penyerahan benteng Sungai Kemaman di sini, semalam.

Nafi benteng punca banjir

Mengulas lanjut mengenai dakwaan pihak tertentu yang mendakwa pembinaan Benteng Sungai Kemaman itu menyebabkan banjir besar tahu lalu, beliau menafikan perkara itu.

Katanya, pembinaan benteng tiada kena mengena dengan banjir besar akhir tahun lalu kerana benteng terbabit bukan penghalang laluan air sungai.

“Pembinaan benteng sungai ini tidak menghalang laluan air ke laut. Jadi, bagaimana ada pihak mendakwa ia menyebabkan berlakunya banjir besar,” katanya.

Upacara penyerahan dilakukan Jurutera JPS Daerah Kemaman, Abdul Razak Ahmad, kepada Pegawai Daerah Kemaman, Datuk Mustafar Khalid, di Jetty Benteng Sungai Kemaman.